

WIRA rekaan rakyat Malaysia

(P) U.M. 22 MAY 1993

KUALA LUMPUR 21 Mei — Kelahiran Proton WIRA hari ini melenyapkan semua anggapan bahawa rakyat Malaysia tidak berupaya mencipta kereta yang berciri moden dan berteknologi tinggi, kata Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad malam ini.

Beliau berkata, model terbaru Proton ini adalah hasil ciptaan, penyelidikan, rekaan serta usaha rakyat Malaysia.

"Rakyat harus berbangga dengannya (Proton WIRA)," kata beliau ketika berucap melancarkan kereta nasional generasi kedua ini di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) malam ini.

Pelancaran kereta Proton edisi terbaru tersebut yang dibuat dalam penuh warna-warni dan penuh kebanggaan ini turut disiarkan secara langsung oleh RTM dan TV3 keseluruhan negara.

Dr. Mahathir kemudiannya diiringi oleh pegawai-pegawai tinggi Proton untuk melihat kereta tersebut dari dekat.

Menurut Dr. Mahathir,

kerajaan gembira, projek kereta nasional telah mencapai kejayaan demi kejayaan serta banyak memberi faedah kepada negara dalam pembangunan industri hiliran terutama dalam pembuatan komponen kereta.

Ia juga kata Perdana Menteri, turut membantu perpindahan teknologi, pemarkaran, pembangunan tenaga kerja mahir serta peningkatan penyertaan bumiputera dalam industri kereta.

"Sekarang terdapat lebih seratus syarikat tempatan melibatkan diri dalam pembuatan dan pembekalan lebih daripada seribu dua ratus jenis komponen kereta Proton," ujar Dr. Mahathir lagi.

Katanya, kandungan bahan tempatan dalam kereta nasional turut meningkat kepada 80 peratus sekarang.

Dalam ucapannya itu, Perdana Menteri menegaskan apa yang penting dari kejayaan ini ialah penyesuaian kilang Proton dan alat-alatnya untuk mengeluarkan kereta hari ini adalah juga hasil usaha jurutera dan pekerja tempatan.

Dengan ini, katanya, sebahagian daripada matlamat kerajaan untuk meningkatkan keupayaan tempatan dalam bidang kejuruteraan termasuk pengeluaran kejuruteraan telah pun tercapai.

"Pelancaran model terbaru Proton ini merupakan satu lagi detik sejarah dalam perkembangan dan kemajuan industri kereta negara.

"Ia merupakan satu kebanggaan dan kejayaan Malaysia yang telah membuktikan kemampuannya menerokai teknologi canggih dalam industri automobil melalui satu proses perancangan, penyelidikan dan pembangunan serta kepakaran kejuruteraan yang dimiliki oleh tenaga kerja yang terdiri daripada kalangan anak-anak tempatan," tegas beliau.

Mengenai nama di sebalik 'WIRA', Dr. Mahathir berkata, untuk melambangkan keteguhan, kekuatan, kuasa serta kualiti maka kereta nasional generasi kedua ini diberi nama Proton WIRA.

Proton generasi kedua ini, katanya, lebih aerodinamik, berciri moden, canggih dan dilengkapi de-

ngan ciri-ciri keselamatan yang lebih baik untuk penumpang.

"Saya pasti, Proton WIRA setaraf dengan kereta yang sama kelas dengannya di pasaran antarabangsa dan sudah tentu memberi pulangan yang memuaskan dengan wang yang dilaburkan," kata beliau lagi.

Dalam pada itu, katanya, Proton haruslah meningkatkan usaha Penyelidikan dan Pembangunannya (R&D) untuk memastikan kereta nasional terus berkemampuan menandingi prestasi kereta lain di pasaran antarabangsa.

Proton, menurut Dr. Mahathir harus berupaya membuat perubahan kosmetik terhadap model-model kereta nasional bahkan mencipta sepenuhnya model baru bagi memberi kepuasan kepada pembeli yang selalu bertukar citarasa.

Kerajaan pula, kata beliau berharap dengan adanya Proton WIRA, usaha untuk mencari pasaran baru.